



**TEKS UCAPAN
YBRS.TUAN MOHD YAZID BIN SAIRI S.I.S.**

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL.4/2022**

25 APRIL 2022, ISNIN

09:00 | BILIK SIANTAN

Assalamualaikum wbkt & selamat pagi diucapkan

Yang Berusaha Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman
Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato'
Hj Wan Mahmood Pa' Wan Teh**
Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Berusaha Tuan Haji Azhar Bin Samsuri
Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Para pengarah jabatan,

Pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis MPS **Bil.4/2022 bagi bulan April** pada pagi yang berbahagia ini.

1. PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) TAHUN 2022 SEMPENA AIDILFITRI

- 1.1 Pertamanya, ucapan terima kasih kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor di atas pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) sempena Aidilfitri yang diumumkan pada 8 April 2022.
- 1.2 Alhamdulillah, Kerajaan Negeri telah mengumumkan khabar gembira ini dengan pemberian sebanyak sebulan gaji atau minumum sebanyak RM1,000.00 kepada semua penjawat awam Negeri Selangor yang bakal diterima pada 27 April 2022.
- 1.3 Diharapkan dengan pemberian insentif raya ini dapat digunakan sebaiknya oleh kakitangan dengan berhemah untuk persediaan Aidilfitri yang bakal menjelang.

2. PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

- 2.1 Untuk makluman, sehingga 31 Mac 2022, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa 2022 sebanyak RM46.57 juta (87.62%) daripada RM53.15 juta.
- 2.2 Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM3.38 juta (42.27%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM8 juta.
- 2.3 MPS juga telah mengeluarkan notis (Borang E) kepada pemilik yang masih mempunyai tunggakan selepas tamat tempoh bayaran pada 28 Februari 2022 dengan caj tambahan sebanyak RM 20.00. Tempoh notis telah tamat pada 31 Mac 2022. Pemilik yang masih mempunyai tunggakan akan dikenakan tindakan waran tahanan dengan caj tahanan sebanyak RM100 bermula 1 April 2022.

- 2.4 MPS sedang mengadakan kempen bayar tunggakan cukai taksiran bagi rumah kampung dan kos rendah yang mendapat pengecualian cukai. Bagi pemilik yang membuat bayaran secara penuh, pembatalan waran tahanan dan caj dikenakan 100% akan diberikan. Kepada pemilik yang tidak termasuk dalam kategori kempen ini, layak diberi pertimbangan pengurangan waran tahanan bagi bayaran secara penuh atau ansuran.
- 2.5 Maklumat mengenai kelayakan pengurangan boleh diperolehi di Kaunter Bayaran Cukai Taksiran MPS. Tempoh bayaran adalah bermula dari 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022.
- 2.6 Bagi menghargai pembayar cukai taksiran yang telah mendaftar bil digital dan menggunakan Portal mymps.mps.gov.my., MPS telah mengadakan program cabutan bertuah pada 28 Februari 2022. Bagi pembayar cukai yang membuat bayaran secara

online. Sebanyak 59 pemenang telah dipilih yang bakal menerima hadiah wang tunai & barang elektrik.

3. PROGRAM DIALOG KILANG TANPA KEBENARAN

- 3.1 Satu sesi dialog Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran (KTK) telah diadakan pada 21 April 2022 bertempat di Dewan Beringin Taman Seri Gombak.
- 3.2 Seramai 211 peserta telah hadir yang terdiri daripada pemilik tanah dan pengusaha premis kilang di kawasan Rawang terutama di kawasan Kuang, Kg Matang Pagar, Bukit Rahman Putra, Kawasan Kundang, Taman Velox dan Kg Kerdas.
- 3.3 Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam taklimat ini. Tahniah dan terima kasih juga kepada pemilik premis yang memberi

kerjasama dan komitmen bagi tujuan pemutihan kilang tanpa kebenaran di kawasan MPS.

4. PEMATUHAN SOP DI TAPAK BAZAR RAMADAN 2021

4.1 Sepanjang 22 hari bazar Ramadan beroperasi, MPS telah membuat pemantauan pematuhan SOP kepada pengelola, peniaga dan para pengunjung bazar pada setiap hari. Dikesempatan ini, saya ingin ucapkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Pelesenan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan dan Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan yang mana telah membuat tinjauan SOP dan pemeriksaan kesihatan dan kebersihan berkaitan pengendalian makanan bagi memastikan keselamatan para pengunjung ke bazar.

4.2 Untuk makluman semua, saya dan Tuan Haji Cheremi sendiri telah turun padang bersama jabatan

berkaitan di beberapa lokasi seperti di Bazar Selayang Utama, Bazar Selayang Baru, Bazar Taman Samudra dan Bazar Taman Ehsan bagi membuat pemantauan.

4.3 Jadi, saya berharap agar semua pengelola dan penjaja di semua bazar ramadan dapat mematuhi SOP yang telah ditetapkan pada sesi taklimat yang lepas. Semoga usaha ini dapat memutuskan rantai penularan wabak Covid 19 di Selangor.

5. PEMBUKAAN KOLAM AIR PANAS

5.1 Untuk makluman semua, Kolam Air Panas Selayang akan mula beroperasi semula bermula pada 10 Mei 2022.

5.2 Orang ramai ingin mengunjungi tempat ini akan dikenakan bayaran masuk sebanyak RM 2.00. Saya berharap agar orang ramai dapat bersama-sama

menjaga kebersihan dan tidak melakukan aktiviti vandalisme di kawasan tersebut.

6. PROGRAM KUCING ANGKAT

- 6.1 Alhamdulillah buat julung kalinya MPS telah menganjurkan program “Kucing Angkat – We Love Cat” pada 22 April 2022 lepas yang berobjektif untuk mencari rumah baharu buat kucing-kucing terbiar yang ditangkap oleh pihak MPS selain memberi peluang kepada pencinta haiwan mengambil kucing-kucing ini untuk dijadikan peliharaan tanpa mengeluarkan kos tinggi.
- 6.2 Pada program ini sebanyak 50 ekor kucing dari pelbagai baka telah ditawarkan untuk dipelihara oleh orang ramai yang berminat dan saya dimaklumkan pada hari tersebut sebanyak 13 kucing berjaya bertemu penjaga baharu.

- 6.3 Saya juga amat berbesar hati atas sokongan dan lawatan dari Presiden Persatuan Haiwan Malaysia, Encik Arie Dwi Andika. Selain memberi sokongan promosi, Persatuan Haiwan Malaysia juga telah memberi maklumbalas yang positif.
- 6.4 Saya berharap agar program ini dapat diteruskan dimasa hadapan dan boleh dilaksanakan di setiap zon ahli majlis. Tahniah diucapkan kepada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan atas pelaksanaan program ini.

7. PROGRAM IHYA' RAMADAN

- 7.1 Pada hari ini juga MPS akan mengadakan Program Ihya' Ramadan Peringkat MPS bagi Tahun 2022. Program ini merupakan program tahunan MPS yang berkonsepkan kebajikan dan diadakan khas bersempena bulan Ramadan Al-Mubarak.

- 7.2 Pada kali ini, MPS akan menyampaikan sumbangan baju raya, duit raya, barang keperluan dan wang tunai kepada pihak Pertubuhan Amal Siraman Kasih, Bandar Country Homes, Rawang.
- 7.3 Diharapkan dengan sumbangan ini sedikit sebanyak dapat menggembirakan anak-anak yatim dan golongan asnaf dalam meraikan Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang, Insha Allah.

8. SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDILFITRI 1443H/2022M

- 8.1 Bersempena perayaan Aidilfitri yang bakal kunjung tiba tidak lama lagi, saya ingin berpesan kepada semua Ahli Majlis, pengarah dan kakitangan MPS serta semua warga Perbandaran Selayang yang beragama Islam agar sentiasa menjaga kesihatan dan mematuhi SOP yang telah ditetapkan ketika menyambut hari raya.

- 8.2 Saya turut mendoakan agar sambutan hari raya pada tahun ini, dapat kita semua menyambut dalam suasana penuh gembira dan bahagia.
- 8.3 Akhir kata, saya mengambil peluang ini untuk memohon kemaafan sekiranya saya ada membuat silap dan salah, menguris hati tuan puan sepanjang saya menjalankan tugas. Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh